

PM tidak akan bertemu Suu Kyi

BH 19 AUG 2002

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Yangon petang ini untuk memulakan lawatan kerja dua hari, berkata beliau tidak akan menemui pemimpin pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi.

“Tidak, saya tidak berniat untuk menemuinya kali ini,” kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas menyaksikan siri ke-7 kejuaraan F1 Bot Laju Sedunia di tasik The Mines Resort City di sini, hari ini.

Ditanya apakah harapan-

nya pada lawatan ke negara itu kali ini, Dr Mahathir berkata: “Hubungan dua hala yang baik.”

Ini adalah lawatan keempat Perdana Menteri ke Myanmar sejak 1988. Kali terakhir Dr Mahathir mengadakan lawatan ke negara itu ialah pada Januari tahun lalu.

Suu Kyi, 56, adalah pemenang Hadiah Nobel Keamanan 1991 yang dibebaskan Mei lalu hasil rundingan antara utusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail, dari Malaysia dengan junta tentera Myanmar.

Pembebasan Suu Kyi dianggap kejayaan besar selepas lebih sedekad kebuntuan politik di negara itu.

Suu Kyi muncul sebagai pemimpin pergerakan demo krasi Myanmar pada 1988 selepas tentera menyekat bantuan antikerajaan.

Myanmar yang kini menganggotai Asean, diperintah pihak tentera sejak 1962.

Sementara itu, Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berlepas dengan pesawat khas di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Su- bang dekat sini pada jam 3.45

petang ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri Kabinet turut berada di pangkalan TUDM untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah.

Lawatan Perdana Menteri itu adalah sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe, ke Malaysia pada September tahun lalu.

Dr Mahathir mengetuai rombongan 300 orang, termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Da-

tuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Kuala Lumpur dan Yangon menjalinkan hubungan diplomatik pada 1958 dan Myanmar menjadi anggota Asean Dada 1997.

Perdana Menteri dijadualkan mengunjungi Than Shwe di bangunan Parlimen sejurus tiba dan akan diraikan Perdana Menteri Myanmar itu pada jamuan malam di tempat yang sama. Dr Mahathir dijadual pulang malam esok.